



- 1. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT I  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625.00 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat II atau jawatan sebanding dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus peperiksaan Jabatan.

**ATAU**

- c) Pernah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Polis Diraja Brunei dan sebagainya tidak kurang dari 8 tahun.

Mempunyai kelulusan bersesuaian yang lebih tinggi DAN/ATAU kebolehan dan pengalaman tentang pengurusan dan penyeliaan satu Pasukan Anggota Keselamatan adalah keutamaan.

2. Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kacamata/kanta lekap lebih 100 Degree.
3. Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan pengalaman pekerjaan di profil PSC Recruitment).



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT I:**

1. Melakukan tugas-tugas Kawalan Keselamatan yang melibatkan:
  - i) Rondaan.
  - ii) Pemeriksaan.
  - iii) Kawalan.
  - iv) Pengawasan.
  - v) Perhubungan.
  - vi) Catatan.
2. Mengendalikan sistem keselamatan di dalam Pusat Kawalan secara bergilir apabila diarahkan.
3. Menahan mana-mana orang atau benda yang melanggar atau cuba melanggar peraturan keselamatan di tempat-tempat keselamatan untuk diserahkan kepada pihak berkuasa (*Lawful Authority*).
4. Mengaturkan tugas mengiringi (*escort*) mana-mana orang atau benda sebagaimana yang diarahkan dan mengiringinya apabila dikehendaki.
5. Memeriksa urusan-urusan *Security Pass* yang dikendalikan oleh anggota Keselamatan.
6. Memastikan Pegawai-Pegawai Keselamatan melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan yang diarahkan dari semasa ke semasa disempurnakan dan memuaskan.
7. Menyelamatkan orang atau benda dalam kawasan kawalannya sewaktu kejadian kecemasan (*Emergency*).
8. Menggantikan tempat anggota Keselamatan (*relief*) apabila diarahkan/diperlukan.
9. Menjalankan sebarang tugas keselamatan dan *safety* yang lain yang diatitkan kepadanya dari semasa ke semasa.